

Zakat : Elemen Penting Urus Kewangan Islam

Utusan Malaysia, 21 September 2015

Pengurusan kewangan dalam Islam memberi penekanan kepada peri pentingnya seseorang muslim itu membayar zakat.

Zakat bukan sahaja membersihkan harta tetapi pada masa yang sama ia boleh dianggap seperti mengeluarkan sebahagian harta tertentu atau perkongsian rezeki dengan asnaf yang berhak.

Terdapat dua jenis zakat iaitu zakat fitrah dan zakat harta yang mana zakat harta termasuklah zakat untuk simpanan.

Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ) dalam laman webnya memberi definisi wang simpanan sebagai wang yang disimpan di dalam akaun simpanan, akaun simpanan tetap, simpanan semasa, ASB serta lain-lain bentuk simpanan di bank atau mana-mana institusi kewangan.

Menurut PPZ, zakat simpanan yang dikenakan ialah 2.5 peratus daripada baki terendah dalam tempoh setahun simpanan apabila cukup haul dan nisabnya.

PPZ juga mentakrifkan Amanah Saham Bumiputera (ASB) adalah bersifat simpanan kerana nilai unit yang kekal RM1 seunit dan pengiraannya adalah mengikut zakat wang simpanan. Manakala ASN pula ialah Amanah Saham Nasional yang bersifat saham kerana nilai unitnya yang berubah-ubah dan pengiraannya mengikut zakat saham.

Perkara yang sama turut dinyatakan Majlis Fatwa Kebangsaan dalam portal e-Fatwa yang mana badan itu menyatakan bahawa ASB adalah saham yang bersifat simpanan kerana nilai unitnya adalah kekal RM1 seunit. Oleh itu pengiraan zakat ASB adalah mengikut zakat wang simpanan.

Justeru katakan anda adalah pelabur ASB, anda hanya perlu membayar zakat sekiranya pelaburan sudah cukup haul dan nisab. Nisab adalah bersamaan dengan 85 gram nilai semasa, sebagai contoh di Wilayah Persekutuan, nisab untuk 2015 ialah ialah RM11,308.

Sebagai contoh, katakan pada akhir Disember 2015 kelak, wang Kamarul dalam ASB ialah RM20,000. Bagaimanapun, sepanjang tahun berkenaan, baki terendah dalam akaun Kamarul ialah RM9,000. Berdasarkan nisab, Kamarul tidak perlu membayar zakat kerana baki terendahnya tidak mencapai nisab yang ditetapkan.

Namun begitu katakan, baki terendah Kamarul sepanjang tahun 2015 ialah RM24,000, maka dia perlu membayar zakat sebanyak RM600 ($2.5\% \times 24,000$).

Perlu diperjelaskan disini, untuk mengira bayaran zakat simpanan, mereka yang mempunyai akaun simpanan hanya perlu melihat baki terendah dalam akaun sepanjang tahun, bukannya menolak kadar bayaran zakat daripada jumlah agihan pendapatan yang diberikan.

Masyarakat Islam di negara ini juga amat bertuah kerana orang Islam yang membayar zakat diberi rebat ke atas cukai pendapatan mereka.

Seberapa banyak pun zakat yang dibayar boleh ditolak dari cukai kena bayar dengan syarat zakat berkenaan dibayar dalam tahun taksiran berkenaan dan resit dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri.

Ini bermakna jika seseorang muslim membayar zakat menyamai atau melebihi jumlah cukai kena bayar, mereka tidak perlu lagi membayar cukai pendapatan.

Justeru, bayaran zakat yang dibayar Kamarul boleh ditolak daripada jumlah cukai kena bayar menerusi tuntutan rebat ketika dia membuat taksiran cukai untuk tahun 2015. Katakan Kamarul perlu membayar cukai pendapatan sebanyak RM500, maka

bagi tahun taksiran 2015, setelah ditolak rebat cukai, dia tidak perlu membayar cukai pendapatan.

Justeru, adalah penting untuk Kamarul membayar zakatnya sendiri dan mendapatkan resit daripada bayaran berkenaan sebagai bukti untuk membuat tuntutan rebat cukai pendapatan.

Bagaimanapun untuk menuntut rebat untuk tahun taksiran semasa, katakan tahun 2015, zakat simpanan perlu dibayar sebelum akhir Disember 2015. Ini kerana bayaran zakat hanya diberikan rebat berdasarkan tarikh resit zakat yang dibayar dalam tahun taksiran cukai pendapatan.

Seorang pegawai di PPZ yang dihubungi berkata, baki terendah diambil sebagai asas pengiraan zakat kerana ia merupakan jumlah yang tetap ada dalam simpanan sepanjang setahun.

Sebagai pelabur ASB atau akaun simpanan lain, pastikan anda menunaikan kewajipan sebagai pembayar zakat. Ia membantu anda mengurus kewangan dengan cekap dan pada masa yang sama, melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang muslim dan pembayar cukai.

Dalam persekitaran hari ini yang mana kemudahan untuk mengira dan membayar zakat amatlah mudah memandangkan kemudahan seperti kalkulator zakat ada disediakan di kebanyakan laman web seperti PPZ manakala bayaran pula boleh dibuat menerusi portal perbankan Internet seperti Maybank2u.com.